

# Malaysia perlu promosi terapi canggih

## Negara kita tempat paling ideal untuk pelancong perubatan terima rawatan



**Liow  
Tiong Lai**

linews@bharian.com.my

**B**ARU-BARU ini, seorang lelaki Amerika yang mengalami kecederaan lutut yang teruk datang ke Malaysia untuk menjalani prosedur articular cartilage regeneration (ACR – pertumbuhan semula rawan secara semula jadi) dengan menggunakan sel stem. Pembedahan ini hanya dapat dilakukan di Malaysia.

Menurut Steven, seorang guru berusia 49 tahun, dia telah membuat banyak penyelidikan mengenai keadaannya melalui internet, membaca artikel perubatan dan berbincang dengan pakar di Amerika Syarikat (AS), namun ACR adalah pilihan terbaik buatnya.

“Malaysia ialah sebuah negara yang indah. Saya ingin melawat seluruh negara ini dari utara ke selatan, timur dan barat apabila pulih kelak,” kata Steven sambil memandang ke arah tingkat sebuah pusat perubatan swasta yang mana dia menjalani fisioterapi setiap hari.

Kebanyakan orang mungkin tidak sedar bahawa negara kita ialah tempat yang paling ideal untuk pelancong perubatan seperti Steven. Rakyat Malaysia kerap menganggap rawatan kesihatan di negara ini tidak setanding dengan negara lain seperti Singapura, Amerika Syarikat atau Eropah, manakala orang asing berpendapat bahawa negara tropika kita ini hanya mempunyai pantai yang indah dan makanan yang enak.

Bagaimanapun, pelawat seperti Steven menyedari tarikan unik Malaysia. Kita tidak mundur dari segi terapi perubatan atau doktor dan hospital kita berada di hadapan dari segi rawatan kesihatan, malah perintis dalam beberapa

prosedur tertentu yang menyelamatkan nyawa.

Prosedur ACR diwujudkan dan dikaji oleh sepasukan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia dan ia diketuai pakar bedah ortopedik, Dr Saw Khay Yong. Tanpa menggunakan prosedur tradisional dalam rawatan pertumbuhan semula jadi rawan yang menggunakan teknik microfraktur, ACR maju selangkah lagi untuk menjamin kejayaan dengan menuai sel stem daripada lutut pesakit itu sendiri dan menyuntikinya pada sendi yang cedera.

Prosedur ortopedik konvensional, seperti pembedahan penggantian lutut, juga adalah pilihan popular dalam kalangan pelawat luar negara yang ingin mendapatkan rawatan kesihatan yang mampu dibiaya di Malaysia. Kos pembedahan penggantian lutut lebih kurang AS\$8,000 (RM24,800) di negara kita berbanding AS\$40,000 (RM124,000) di Amerika Syarikat dan AS\$13,000 (RM40,300) di Singapura.

Rawatan terapi kardiovaskular juga sangat popular dalam kalangan pengunjung luar negara. Sekali lagi, kos pembedahan jantung di Malaysia yang mampu dibiayai menjadi tarikan utama, manakala kos prosedur angioplasti ialah kira-kira AS\$11,000 (RM34,100) di sini, berbanding AS\$57,000 (RM176,700) di Amerika Syarikat dan AS\$13,000 (RM40,300) di Thailand.

Bagi kebanyakan pesakit di Asia, Malaysia juga ialah tempat yang dikunjungi untuk mendapatkan rawatan terapi serba canggih. Contohnya, pada Mei lalu, Institut Jantung Negara menjalankan pembedahan penggantian injap yang pertama di Asia dengan menggunakan prostesis injap tanpa suture, sekali gus mampu mengurangkan komplikasi dan kadar kematian dalam kalangan pesakit berisiko sederhana hingga tinggi.

Doktor dan institusi perubatan kita sentiasa berusaha mencari ka-

edah yang baru dan inovatif untuk mempertingkatkan kualiti rawatan kesihatan untuk pesakit. Pembangunan ini menimbulkan prospek yang menarik dan peluang untuk meningkatkan lagi jumlah pelancong perubatan supaya datang ke Malaysia.

Bagaimanapun, saya sedar bahawa antara cabaran yang paling besar dalam usaha mempromosikan kembara rawatan kesihatan ini ialah ia mungkin akan menjadikan profesion rawatan kesihatan ibarat suatu industri yang mengaut keuntungan.

Saya sering berusaha memperbetulkan tanggapan silap ini. Rawatan kesihatan di Malaysia diberikan kepada sesiapa saja yang memerlukannya, termasuk pelawat dari seluruh dunia. Jika kita mempunyai kepakaran dan teknik yang tidak ada di tempat lain atau kosnya lebih kompetitif di sini, ki-



*Prosedur ortopedik konvensional, seperti pembedahan penggantian lutut, juga adalah pilihan popular dalam kalangan pelawat luar negara yang ingin mendapatkan rawatan kesihatan yang mampu dibiaya di Malaysia. Kos pembedahan penggantian lutut lebih kurang AS\$8,000 (RM24,800) di negara kita berbanding AS\$40,000 (RM124,000) di AS*



ta tidak harus menolak sesiapa yang cuba mendapatkan perkhidmatan perubatan kita.

Sungguhpun kita mempromosikan hospital dan pakar kita kepada pesakit dari luar negara, kita tidak pernah berkompromi mengenai mutu dan akses rawatan kepada rakyat Malaysia.

Melalui program pembangunan yang dijalankan, kita komited untuk menambah baik rawatan kesihatan bagi rakyat Malaysia, seperti inisiatif menubuhkan Klinik 1Malaysia, mempertingkatkan kemudahan hospital dan perkhidmatan kepakaran serta melatih lebih ramai pakar.

Kita harus mencontohi Hospital Latihan dan Penyelidikan Ataturk di Ankara, Turki, yang saya kunjungi pada awal bulan ini. Hospital itu bukan saja menjadi pusat kecemerlangan untuk latihan perubatan dan penyelidikan klinikal bagi Turki, malah ia turut menarik sebilangan besar pengunjung asing dari Afghanistan, Jerman dan Iraq.

Malaysia dan Turki akan menandatangani satu memorandum persefahaman mengenai rawatan kesihatan bagi meningkatkan kolaborasi rawatan kesihatan dua hala. Tidak lama lagi, kita akan dapat bertukar-tukar ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan Turki supaya kita boleh saling mempelajari antara satu sama lain, cara dan kaedah untuk memperbaiki kemudahan perubatan dan prasarana pelancongan rawatan kesihatan.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia juga boleh berusaha untuk menyediakan khidmat rawatan kesihatan yang cemerlang untuk rakyat, dan pada waktu yang sama, berupaya menarik pelawat antarabangsa bagi memanfaatkan kemahiran dan khidmat kita.

Penulis ialah Menteri Kesihatan. Ikuti beliau melalui blog ([www.liowtionglai.com/blog](http://www.liowtionglai.com/blog)), atau Twitter (@liowtionglai).